

# UTUSAN MALAYSIA

## 4 APRIL 2017 (SELASA)

### M/S 13

■ SAYA telah membuat pembayaran penuh pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada November 2016 tetapi sehingga sekarang masih menunggu pemulangan diskau sebanyak 15 peratus seperti diumumkan kerajaan dalam Bajet 2017.

**LETIH MENUNGGU**



#### MAKLUMBALAS ADUAN MELALUI UTUSAN MALAYSIA

Aduan daripada LETIH MENUNGGU yang disiarkan di dalam akhbar Utusan Malaysia di ruangan SMS MMS ANDA pada Selasa 4 April 2017 adalah dirujuk.

PTPTN mengucapkan terima kasih kepada peminjam yang telah membuat bayaran balik pinjaman. Pengeluaran Akaun II Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah merupakan salah satu daripada pelbagai kaedah bayaran balik yang disediakan.

Lebihan bayaran peminjam telahpun diremitkan oleh PTPTN dan pihak KWSP sedang membuat pengkreditan ke akaun ahli secara berperingkat sehingga 30 April 2017. Ahli boleh membuat semakan penyata KWSP mereka dari semasa ke semasa.

Selain itu, PTPTN juga sedang membuat proses pemulangan lebihan bayaran kepada peminjam yang membuat bayaran balik melalui saluran lain seperti perbankan internet, potongan gaji atau pembayaran di kaunter. Sehubungan itu, peminjam yang terlibat diminta untuk membuat pengemaskinian maklumat akaun di dalam portal rasmi PTPTN di ruangan 'Semakan Lebihan Bayaran'.

PTPTN sentiasa meningkatkan kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Peminjam juga digalakkan untuk mengemukakan aduan secara *online* dengan klik icon 'Aduan' pada portal PTPTN atau [icare.ptptn.gov.my](http://icare.ptptn.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**Rina Abd Rahman**  
Pegawai Perhubungan Awam  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional